

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]
TARIKH : 23 OKTOBER 2023 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Malaysia Airlines menamatkan perkhidmatan *inflight catering* Brahim's Food Services Sdn. Bhd sebelum melantik katerer yang baru sebagai pengganti. Akibat daripada kecuiaan pihak pengurusan Malaysia Airlines, nama baik MAS tercemar sehingga ke peringkat antarabangsa apabila penumpang kelas ekonomi dan perniagaan hanya diberikan buah, kek dan minuman kotak. Malahan penumpang juga dinasihatkan membawa makanan sendiri yang dibeli dari luar. Bagaimana jika makanan yang mereka bawa adalah makanan *non halal*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan Brahim's Food Services (BFS) telah mengadakan rundingan menyeluruh sejak suku keempat tahun 2022 berhubung kontrak katering yang telah lama terjalin antara kedua-dua pihak. Dalam hubungan ini, BFS pada awal Jun 2023 telah menyampaikan notis pemberhentian perkhidmatan katering kepada MAB berkuat kuasa mulai 1 Julai 2023 selepas rundingan tersebut gagal mencapai persetujuan bersama. Walau bagaimanapun, BFS kemudiannya menarik balik notis itu dan bersetuju untuk melanjutkan perkhidmatan tersebut sehingga 31 Ogos 2023.

2. Bagi menangani situasi ini, MAB dengan segera telah memulakan pelan kontingensinya yang melibatkan penubuhan operasi MAG Catering (MCAT) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) memandangkan peralihan serta-merta kepada pembekal berskala besar lain tidak dapat dilaksanakan. Katerer gantinya iaitu POS Aviation beroperasi pada skala yang lebih kecil dan tidak dapat secara serta merta menampung jumlah operasi MAB yang menyediakan 40,000 hidangan dalam penerbangan setiap hari dari Kuala Lumpur.

3. MCAT telah ditubuhkan sebagai pusat pengedaran sementara di KLIA untuk menguruskan pembungkusan barangan makanan dan minuman oleh pembekal masing-masing serta menghantar kotak makanan ke pesawat menggunakan trak angkat tinggi (*high lift trucks*). Operasi ini mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan disahkan oleh pihak berkuasa kesihatan tempatan berhubung tahap kebersihan dan persekitarannya serta memenuhi piawaian keselamatan dan kebersihan makanan.

4. Dalam hubungan ini, MAB komited untuk menyediakan makanan berkualiti bagi semua penumpang. Dalam tempoh peralihan ini, hidangan penuh dan hidangan panas akan ditawarkan secara berperingkat bagi semua laluan yang terkesan. MAB menasaskan perkhidmatan tersebut kembali pulih sepenuhnya menjelang 15 November 2023.

Sekian, terima kasih.